

# KUTKM bergelar universiti tidak lama lagi

**UM - 7 AUG 2006**

MELAKA 6 Ogos - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama yang menawarkan pendidikan tinggi berteraskan teknikal, akan bergelar universiti tidak lama lagi.

Menyatakan Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, proses pertukaran nama tersebut kini hampir selesai dan pihaknya berharap dapat membuat pengumuman rasmi tidak lama lagi.

"KUTKM sebenarnya sudah mencapai taraf sebuah universiti kerana kemudahan, kursus, kelayakan masuk dan tangga gaji pensyarah serta kakitangan mereka sebelum ini juga sama seperti IPTA lain."

"Justeru kami merasakan, perkataan kolej itu perlu ditukar kepada universiti," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Alor Gajah, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah, Datuk Hamdin Abdollah.

Menurut Mustapa, pihaknya akan berunding dengan kerajaan negeri mengenai nama rasmi baru KUTKM.

Katanya, pertukaran nama tersebut diharap akan membuang beberapa persepsi kurang baik oleh majikan terhadap graduan kolej universiti berkenaan.

"Graduan KUTKM sekarang mengikuti kursus mereka dalam sukatan pelajaran yang sama taraf dengan universiti lain, jadi tidak perlu ada stigma kurang baik hanya kerana ada perkataan kolej," jelas beliau.

Katanya lagi, walaupun selepas KUTKM bergelar universiti kelak, mereka akan tetap memberikan tumpuan dalam bidang kejuruteraan seperti sekarang.

"Fokus utama mereka masih dalam bidang kejuruteraan, tetapi mungkin akan ditambah beberapa kursus baru," jelasnya.

Sementara itu Rektor KUTKM, Professor Datuk Ismail Hassan ketika dihubungi berkata, pihaknya sangat mengalu-alukan pertukaran nama tersebut dan berharap ia akan dilaksanakan dengan segera.

"Ia sekaligus akan menghilangkan kekeliruan masyarakat yang beranggapan KUTKM bukan sebuah IPTA bertaraf universiti," jelasnya.

Beliau memberitahu, dengan pertukaran nama tersebut, KUTKM juga akan dapat meningkatkan bilangan pelajar dan kursus yang ditawarkan.

Ismail menjelaskan, pada masa ini, sebagai sebuah kolej universiti, KUTKM dihadkan bilangan pelajar maksimum kepada 10,000 orang.

KUTKM yang ditubuhkan pada 1 Disember 2000, kini beroperasi di kampus industri Ayer Keroh dan kampus induk Durian Tunggal, di sini.